



MENTERI Pengangkutan, Kong Cho Ha semasa lawatan turun padang meninjau perkhidmatan LRT serta inisiatif menaik taraf kemudahan Orang Kelainan Upaya di stesen LRT.

Sektor pengangkutan awam lengkap dan efisien

Pemangkin ekonomi negara

MUKADIMAH

Sektor pengangkutan awam yang cekap dan efisien mampu menyumbang kepada pertumbuhan bandar yang strategik serta ekonomik. Justeru, langkah melestarikan sistem pengangkutan telah diberi tumpuan khusus dalam pelaksanaan program pembangunan negara bagi tempoh 2010 - 2012. Salah satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) ini telah dikenalpasti menjadi antara agen pemacu pembangunan selaras dengan matlamat ke arah menjadi negara maju menjelang 2020.

JIKA dahulu perjalanan ke Ipoh dengan memandu kereta mungkin memakan masa hingga tiga jam dan kadangkala meletihkan kerana terpaksa menempuh kesesakan yang tidak diduga sepanjang perjalanan.

Namun, hari ini, anda boleh menikmati kopi panas dan membaca buku kegemaran anda dengan menaik kereta elektrik (ETS) yang hanya mengambil masa dua jam lima minit sahaja perjalanan pada kadar tambang yang berpatutan.

Inisiatif ini merupakan antara usaha kerajaan bagi menambahkan sistem pengangkutan awam di negara ini sekali gus meningkatkan keyakinan rakyat terhadap penggunaan pengangkutan awam dalam kehidupan seharian.

Secara dasarnya, perkhidmatan pengangkutan berupaya mewujudkan jalinan perhubungan sistematik yang penting dalam menjaga pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih mapan dan kondusif.

Sehubungan itu, melalui inisiatif di bawah NKRA, Kementerian Pengangkutan yang bertindak selaku agensi pelaksana pembangunan sistem pengangkutan awam bandar, telah melaksana pelbagai strategi serta projek pembangunan berorientasikan kepentingan rakyat.

Menyadari sistem pengangkutan yang teratur dan komprehensif menyumbang kepada kemakmuran ekonomi negara, Kementerian Pengangkutan telah merangka 11 inisiatif merangkumi empat kategori termasuk

menambahbaik sistem perkhidmatan bas, membina rel menyeluruh dan mengintegrasikan hub pengangkutan serta meningkatkan rangkaian pengangkutan awam menjadi lebih komprehensif.

Beberapa inisiatif tersebut merupakan antara elemen penting bagi merealisasikan hasrat meningkatkan kadar penggunaan pengangkutan awam kepada tahap yang lebih baik menjelang tahun 2012, seterusnya mengurangkan bilangan kenderaan persendirian di jalan raya.

Justeru, terdapat keperluan anjakan daripada mengutamakan pergerakan kenderaan bermotor kepada pergerakan kumpulan orang melalui cara yang efisien dan menjimatkan kos, iaitu dari kenderaan persendirian kepada penggunaan pengangkutan awam secara lebih meluas.

Bagaimanapun, dengan mengambil sistem pengangkutan awam di Lembah Klang sebagai contoh, sistem pengangkutan awam negara pada ketika ini menghadapi isu perkhidmatan yang tidak efisien seperti kelewatan dan pembatalan perjalanan yang kerap.

Selain itu, isu seperti jaringan perkhidmatan dan kesinambungan antara hub pengangkutan awam yang terhad dan kesesakan serius terutamanya melibatkan laluan rel utama seperti KTM Komuter serta LRT menjadi keutamaan untuk diselesaikan.

Langkah ini perlu dilaksanakan segera kerana rangkaian pengangkutan mampu menyokong pertumbuhan



ETS menyediakan perkhidmatan yang selamat dan selesa kepada semua pengguna.

ekonomi, pertumbuhan populasi dan kepelbagaian aktiviti termasuk pelancongan. Ini membuktikan, sistem pengangkutan yang teratur dan komprehensif menyumbang kepada kemakmuran ekonomi negara.

Justeru, langkah aktif telah digerakkan agensi pelaksana yang terlibat bagi memastikan matlamat yang dirangka dapat disiapkan berdasarkan perancangan.

Diukur dari segi pencapaian NKRA, dapat dilihat sepanjang 2010, sebanyak 22 set tren empat gerabak baru telah diperkenalkan di bawah sistem RapidKL LRT jajaran aliran Kelana

Jaya yang telah membawa lebih 2.43 juta penumpang tambahan dalam 2010 manakala perkhidmatan Bus Expressway Transit (BET) diperkenalkan di lima laluan bagi menjimatkan masa perjalanan.

Di samping itu, sebanyak 634 buah perhentian bus dinaiktaraf sepanjang 2010 di kawasan-kawasan Sepang, Shah Alam, Subang Jaya, Klang, Selangor, Ampang Jaya dan Kajang.

Ini termasuk pembangunan Terminal Pengangkutan Bersepadu di Bandar Tasik Selatan atau dikenali sebagai Terminal Bersepadu Selatan yang mula beroperasi awal tahun ini.

Inisiatif bangun pengangkutan awam bersepadu di Lembah Klang

Jejambat penghubung stesen monorel ke stesen KL Sentral

- Ia menghubungkan komuter dengan stesen terakhir monorel di Jalan Tun Sambathan ke KL Sentral melalui pusat membeli-belah NU Sentral
- Jejambat ini sepanjang 45 meter dan 20 meter lebar
- Empat eskalator akan dibina di kiri dan kanan jalan jejambat
- Fasa 1 dijangka siap November 2011 manakala fasa 2 pula pada suku ketiga 2012 yang mana menyediakan kemudahan kepada pengguna menggunakan jejambat tersebut sepenuhnya terutama apabila NU Sentral Mall beroperasi



Menaiktaraf kemudahan di stesen-stesen LRT

- Kerja-kerja ini termasuk eskalator, lif dan tangga yang terletak di kawasan stesen bas
- Mengutamakan kemudahan untuk Orang Kelainan Upaya (OKU)
- Dijangka siap sepenuhnya tahun ini

Laluan pejalan kaki berbumbung di kawasan KL Sentral

- MRCB akan menjalankan kerja-kerja membersihkan laluan pejalan kaki sepanjang 300 meter ini yang mesra OKU
- Polis tambahan akan ditempatkan untuk keselamatan pengguna

Inisiatif yang telah dilaksanakan



KEMUDAHAN selesa untuk Orang Kelainan Upaya.

Kemudahan untuk OKU

- Akses seperti tanjakan (ramps) ke stesen dan platform, lif, jubin, pebble wash untuk laluan OKU, selusur, tandas khas OKU dan tempat letak kereta khas OKU
- Mesra OKU untuk semua laluan pejalan kaki
- Akses bebas halangan untuk OKU
- Ia melibatkan stesen KL Sentral-Stesen Monorel, Stesen LRT dan Monorel Hang Tuah, Stesen Monorel dan LRT Titiwangsa serta 24 stesen LRT Ampang Line
- Sebanyak RM9 juta diperuntukkan untuk naiktaraf projek OKU pada 2009 melibatkan lima stesen iaitu Rawang, Sungai Buloh, Bandar Tasek Selatan, Serdang dan Shah Alam

Transit Bas Ekspres Rapid (RapidBET)

- Sejak dilancarkan Januari 2010, RapidBET menunjukkan peningkatan sehingga 133 peratus
- Empat laluan RapidBET iaitu Kota Damansara-Pasar Seni; Bandar Baru Sungai Long, Kajang-Pasar Seni, Subang Mewah-Pasar Seni dan Taman Seri Muda, Shah Alam-Pasar Seni mampu menjimatkan masa pengguna antara 15 hingga 60 minit
- BET 5 laluan Rawang-Kuala Lumpur telah dilancarkan pada Jun lalu dan dapat menjimatkan masa perjalanan antara 30-45 minit masa perjaalanan yang kebiasaannya mengambil masa 2 jam



PENGENALAN RapidBET ternyata mendapat sambutan ramai dan mampu menjimatkan masa perjalanan.

- Terletak di kawasan seluas 33 ekar
- Fasa 1A dijangka siap pada suku tahun kedua 2012 mengatasi kesesakan di sekitar pusat bandar
- Sebanyak 700 bas dari utara dan timur akan dilencongkan daripada memasuki Kawasan Perniagaan Pusat di pusat bandar sekali gus mengurangkan kesesakan di kawasan pusat bandar dan mengurangkan masa perjalanan
- Penyediaan 625 tempat letak kereta, 123 unit bus bay, 44 tempat letak teksi dan pengintegrasian bersepadu perkhidmatan rel seperti LRT
- Dilengkapi pusat komersial bersepadu di terminal blok bangunan utama dengan semua kemudahan awam seperti surau dan tandas
- Ruang pejalan kaki berbumbung akan disediakan untuk kemudahan penumpang yang menggunakan pengangkutan LRT



TBT Gombak dijangka siap tahun hadapan.

EMU Komuter baru beri manfaat kepada 500,000 pengguna

MALAYSIA bakal mencipta satu lagi sejarah baru dalam sistem pengangkutan awam negara apabila 38 set Electrical Multiple Unit (EMU) 6 koc baru untuk sistem komuter dijangka akan mula beroperasi secara berperingkat pada penghujung 2011 ini.

Ia merupakan salah satu matlamat di bawah Bidang Utama Keberhasilan Negara (NKRA) Kementerian Pengangkutan untuk meningkatkan mutu pengangkutan awam demi kesejahteraan rakyat.

Salah satu perkara yang diberi tumpuan di bawah NKRA ini ialah menaiktaraf sistem komuter yang merupakan pengangkutan awam utama kepada orang ramai.

Dalam konteks ini, keupayaan sistem komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dipertingkatkan melalui pembelian 38 set EMU enam gerabak yang akan diterima mulai September 2011 ini. Kemudahan ini akan memberi manfaat kepada lebih 500,000 pengguna setiap hari.

Buat masa ini, KTMB mempunyai 58 unit EMU di mana di antara 22 hingga 26 unit beroperasi manakala selebihnya sedang disenggara.

Akibat daripada kekurangan tren ini, kerajaan telah bersetuju ke atas cadangan perolehan 38 set baru EMU yang dicadangkan semasa makmal GTP dan setelah proses perolehan kerajaan dilaksanakan, kontrak perolehan dengan pihak Zhuzhou Electric Locomotive Ltd (ZELC) ditandatangani pada 23 Julai 2010.

ZELC yang memiliki keupayaan teknikal dan kepakaran dalam membangunkan sektor pengangkutan di China memberi kelebihan kepada Malaysia dari segi perkongsian pengalaman dan kemahiran untuk menawarkan sistem pengangkutan awam bertaraf dunia.

Malah, ZELC turut menyediakan program latihan kepada kakitangan KTMB dari segi kemahiran



MENTERI Pengangkutan, Kong Cho Ha (tiga kiri) bersama-sama pegawai-pegawai ZELC semasa Majlis Roll-Out EMU di Zhuzhou, China pada 6 Julai lalu.

teknikal. Pada masa sama, ZELC akan bergandengan dengan KTMB untuk menjalankan ujian terhadap set komuter tersebut sebelum ia beroperasi.

Unit pertama EMU yang sudah siap dijangka tiba di Malaysia sekitar 6 September depan manakala unit EMU ke-17 yang berada di kilang membuktikan kerja-kerja yang dilaksanakan menepati perjanjian seperti di dalam kontrak yang ditandatangani.

Sebaik tiba di Malaysia, unit pertama tersebut akan melalui ujian terlebih dahulu selama tiga bulan melibatkan 8,000 kilometer (km) bagi melihat sejauh mana keupayaan dan kemampuan EMU

ini.

Buat permulaan, EMU perlu mengikuti satu ujian pendek selama sebulan merangkumi 2,000 km laluan. Ujian tersebut amat penting bagi mengelakkan sebarang perkara tidak diingini bagi menjamin keselamatan penumpang.

Dengan beroperasinya EMU kelak, ia bukan sahaja mampu mengatasi masalah kelewatan dan perkhidmatan yang tidak efisien tetapi secara tidak langsung meningkatkan kepercayaan orang ramai terhadap mutu perkhidmatan awam dan menyediakan kapasiti yang lebih tinggi.